

18 JUN 2003

Umno-Puteri (Azalina)

SETIAP ANGGOTA PUTERI SATU UNDI UNTUK BN - AZALINA

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Pergerakan Puteri Umno yang mengadakan perhimpunan agung buat pertama kali hari ini bertekad untuk menterjemahkan setiap anggota pergerakan itu kepada satu undi untuk Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum akan datang.

Ketua Puteri Azalina Othman Said berkata jumlah keanggotaan pergerakan itu yang kini seramai 121,842 anak muda serikandi negara menjadi petunjuk kepada sambutan dan penerimaan kumpulan sasaran kepada pergerakan itu.

Sehubungan itu, beliau menyeru setiap anggota Puteri untuk meramaikan lagi "saf-saf" Puteri dan seterusnya mendaftar sebagai sebagai pengundi.

"Bagi Puteri, keanggotaan melambangkan kekuatan parti. Sepatutnya setiap anggota Puteri dapat diterjemahkan kepada satu undi bagi Barisan Nasional," katanya dalam ucapan sulungnya sempena Perhimpunan Pergerakan Puteri Umno di sini, hari ini.

Beliau berkata kegagalan untuk mengundi boleh mengakibatkan segala usaha untuk memastikan Umno kekal berkuasa tidak berhasil.

"Jika kita tidak mengundi pada pilihan raya akan datang, kita mensia-siakan peluang untuk memberi mandat kepada parti kita sendiri. Malah kita akan gagal melaksanakan tanggungjawab serta hak paling asas dalam sebuah demokrasi," katanya.

Azalina berkata Puteri juga berjanji untuk meletakkan pilihan raya umum sebagai keutamaan pergerakan itu dengan berlandaskan disiplin yang tinggi.

Katanya sepanjang tempoh itu tidak harus wujud perkataan "kepentingan individu" atau "melobi untuk jawatan" dalam kamus Puteri Umno kerana segala tindak-tanduk anggotanya boleh dijadikan isu untuk dikaitkan dengan Umno.

"Kita harus lebih berhati-hati dengan tindak-tanduk kita sehari-hari supaya tidak terjerat dalam perangkap yang dipasang oleh pihak lawan," katanya.

Untuk itu, katanya jentera pilihan raya di peringkat akar umbi seharusnya dikenal pasti dan digerakkan dengan senjata paling berkesan iaitu memenangi hati rakyat.

"Motto generasi wanita prihatin serta bersatu, bersetia dan berkhidmat sentiasa dihayati dan menjadi amalan kita," katanya.

Azalina juga menyeru anggota Puteri agar taat setia kepada pucuk pimpinan yang menjadi amalan pergerakan itu kerana kekuatan parti bergantung kepada perpaduan anggotanya.

Katanya Puteri yakin timbalan presiden Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang bakal menggantikan presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dapat melaksanakan tugas dengan cemerlang.

Katanya dalam konteks kepimpinan dalam Umno, yang menggantikan akan terus memperjuangkan agenda bangsa dan pertiwi.

"Kita mengamalkan tradisi peralihan kuasa yang akan berlaku dalam suasana penuh harmoni," katanya.

Katanya walaupun langkah Dr Mahathir mengundurkan diri dari kepimpinan parti berat untuk diterima, anggota Umno perlu menghormati tindakan beliau yang lebih arif tentang apa yang sesuai untuk parti pada masa-masa tertentu.

Seramai 625 perwakilan menghadiri perhimpunan sehari itu.

-- BERNAMA

MUN KHY ROS